

'Waspada gelombang kedua Syiah'

» *Universiti, NGO Islam kena perjelas fahaman sesat: Abdullah*

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my

► Nilai

Umat Islam di negara ini perlu lebih berwaspada menghadapi gelombang kedua Syiah, kata Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdullah Md Zin.

Beliau berkata, gelombang dalam pelbagai bentuk itu bertujuan menyebarkan fahaman yang terbukti sesat dan menyeleweng daripada al-Quran dan Sunnah, sedangkan umat Islam di Malaysia memegang ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.



Ketika gelombang pertama sebelum ini, katanya, segelintir umat Islam termasuk pelajar dan pensyarah terpedaya untuk mengikuti fahaman itu.

"Kerjasama pelbagai pihak dalam menangani fahaman itu berkesan apabila keadaan menjadi

reda. Bagaimanapun, kini muncul gelombang kedua yang kita perlu hadapi. Saya percaya ada pihak cuba menyebarkannya, jadi pihak universiti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam perlu membantu memberi pencerahan mengenai fahaman

ini," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pengurusan Islam (IC-DAIM 2014) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini semalam, Abdullah berkata, beliau telah bertemu

Abdullah (dua dari kiri) bersama Tan Sri Abdul Shukur Husin (kiri) dan Prof Dr Asma Ismail pada majlis perasmian Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pengurusan Islam (IC-DAIM 2014), semalam.

[FOTO MOHD AMIN JALIL/BH]

Duta Iran ke Malaysia bagi menerangkan bahawa gerakan menyebarkan fahaman itu bertentangan dengan undang-undang negara ini.

Dua kategori pemikiran

Sementara itu, beliau yang juga Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) berkata, segelintir umat Islam kini mengikuti dua pemikiran yang dikategorikan sebagai golongan pengetat dan pelonggar agama, sedangkan sepatutnya bersikap sederhana sejajar dengan pemikiran wasatiyyah yang seimbang dan adil.

"Pengetat agama sentiasa mengeluarkan pandangan dan hukum yang berat, selain taksub berkaitan hal keagamaan seperti Syiah, gerakan militan dan kumpulan ajaran sesat lain. Golongan pelonggar agama pula amat terbuka hingga bertentangan dengan prinsip asas Islam, termasuk pluralisme, liberalisme dan human rightisme," katanya.